

**ANALISIS FIQH AL-BI'AH MENURUT PERSPEKTIF MAQASID AL-SUNNAH  
DAN APLIKASINYA DALAM KONTEKS MASA KINI**  
**ANALYSIS OF FIQH AL-BI'AH FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID AL-  
SUNNAH AND ITS APPLICATION IN CONTEMPORARY CONTEXT**Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi<sup>1</sup><sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia, dzuldzulraidi@gmail.com

Artikel diterima: 05 Julai 2025

| Selepas Pembedulan: 21 Sept 2025

| Diterima untuk terbit: 28 Nov 2025

**Abstrak**

*Fiqh al-Bi'ah* adalah ilmu yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar berdasarkan prinsip Islam. Ilmu ini menggambarkan konsep penjagaan alam sekitar yang telah diperkenalkan oleh Nabi Muhammad SAW lebih daripada 1400 tahun yang lalu. Namun, pemisahan antara sains dan agama telah menyebabkan pengabaian etika terhadap alam sekitar, yang dapat dilihat melalui statistik pencemaran udara di Malaysia. Oleh itu, kajian ini amat diperlukan untuk meneliti kembali teks hadith mengenai *Fiqh al-Bi'ah* dalam *al-Kutub al-Tis'ah*. Kajian ini berusaha mengisi kekosongan dalam penyelidikan mengenai integrasi nilai-nilai Islam dalam penjagaan alam sekitar yang kritikal dalam menangani isu-isu pencemaran dan kerosakan alam sekitar masa kini. Melalui analisis kritikal, kandungan hadith-hadith dianalisis dan prinsip-prinsipnya dibina mengikut perspektif *Maqasid al-Sunnah* serta aplikasinya dalam konteks masa kini. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif, dengan pengumpulan data melalui dokumentasi dan analisis data menggunakan kaedah analisis kandungan. Sejumlah 40 hadith berkaitan *Fiqh al-Bi'ah* dalam *al-Kutub al-Tis'ah* telah dianalisis dan boleh dibahagikan kepada empat tema utama: air, bumi, haiwan, dan tumbuhan, serta gaya hidup manusia. Hadith-hadith ini disusun berdasarkan prinsip *Maqasid al-Sunnah* dan membentuk tujuh prinsip utama yang kemudian diaplikasikan dalam konteks masa kini. Kajian ini juga mencadangkan agar kajian lanjut mengenai pelaksanaan *Fiqh al-Bi'ah* dalam masyarakat dijalankan supaya ilmu ini tidak hanya kekal pada peringkat teori semata-mata.

**Kata kunci***Fiqh al-Bi'ah; al-Kutub al-Tis'ah; Maqasid al-Sunnah; aplikasi; alam sekitar.*

**Abstract**

*Fiqh al-Bi'ah* is a field of knowledge related to environmental preservation based on Islamic principles. This field reflects the concept of environmental care introduced by Prophet Muhammad SAW more than 1400 years ago. However, the separation between science and religion has led to a neglect of ethical considerations towards the environment, as evident from the air pollution statistics in Malaysia. Therefore, this study is crucial to re-examine the hadith texts on *Fiqh al-Bi'ah* in *al-Kutub al-Tis'ah*. This study aims to fill the gap in research on the integration of Islamic values in environmental preservation, which is critical in addressing current environmental pollution and degradation issues. Through critical analysis, the content of these hadiths is analyzed and their principles are constructed according to the perspective of *Maqasid al-Sunnah* and their application in the contemporary context. This study employs a qualitative methodology, with data collection through documentation and data analysis using content analysis methods. A total of 40 hadith related to *Fiqh al-Bi'ah* in *al-Kutub al-Tis'ah* have been analyzed and can be divided into four main themes: water, earth, animals and plants, and human lifestyle. These hadiths are organized based on the principles of *Maqasid al-Sunnah* and form seven main principles that are then applied in the contemporary context. The study also suggests further research on the implementation of *Fiqh al-Bi'ah* within society to ensure that this knowledge does not remain theoretical only

**Keywords**

*Fiqh al-Bi'ah; al-Kutub al-Tis'ah; Maqasid al-Sunnah; application; environment*

**1.0 Pengenalan**

*Fiqh al-Bi'ah* merupakan satu istilah yang terdiri daripada dua perkataan iaitu *Fiqh* dan *al-Bi'ah*. Perkataan *Fiqh* secara etimologinya berasal daripada kalimah (فَقَّهَ) dalam bahasa Arab yang bermaksud kefahaman mengenai sesuatu (Kunia Muharajah & Erfan Soebahar 2024). Sementara itu *al-Fiqh* bermaksud mengetahui berkenaan sesuatu dan memahaminya dengan tepat. Secara umumnya perkataan *Fiqh* biasanya merujuk kepada pengetahuan agama berikutan kelebihan ilmu ini berbanding yang lain (Manzur 1879).

Perkataan *al-bi'ah* berasal daripada kalimah (بَاءٌ - بَيْوَاءٌ - بَيَا). Al-Zabidi (1987) mengatakan perkataan (بَاءٌ) beerti kembali manakala perkataan (البَيْئَةُ) memberi maksud keadaan. Walhal menurut Ibn Manzur (1879) ia bermaksud kediaman sama ada baik atau buruk. Osman Khalid (2006) menyebut ia bermaksud lingkungan dan persekitaran. *Al-Bi'ah* daripada pengertian istilah tidak jauh bezanya berbanding pengertian bahasa iaitu prinsip-prinsip interaksi manusia dengan alam sekeliling atau lingkungan yang terdiri daripada komponen-komponen yang saling memerlukan dalam kitaran kehidupan (Asmadi Yakob et al. 2013). Menurut Nizamuddin Zakaria et al. (2008) para pengkaji moden berpandangan alam sekitar *atau al-bi'ah* merupakan suatu dimensi meliputi tempat kediaman pelbagai jenis kehidupan sama ada atas muka bumi, dan ruang udara.

Justeru daripada sudut bahasa, *Fiqh al-Bi'ah* bermaksud kefahaman yang tepat mengenai alam sekitar. Manakala daripada sudut istilah, *Fiqh al-Bi'ah* merupakan sebuah ilmu berkaitan alam sekitar berlandaskan lunas Islam dalam berinteraksi dengan sumber alam secara adil dan saksama dari segi peranan, tanggungjawab, saranan, hukum, dan kaedah yang perlu dilakukan oleh manusia terhadap alam digariskan dan dikemukakan bagi menjamin keharmonian kehidupan manusia dengan alam.

Objektifnya agar sumber alam dipelihara dan dipulihara dengan saksama sejajar dengan tuntutan Islam dari keterangan al-Quran dan al-Hadith (Asmadi Yakob et al. 2013). *Fiqh al-Bi'ah* merupakan satu perbahasan yang masih jarang diperbahaskan bahkan sehingga kini belum ada modul kajian yang betul-betul bermetodologi dan bersistematik dibentangkan berkenaan ilmu ini (Mahmud Yusuf et al. 2023; Wahyu Agung 2019). Namun konsepnya telah diamalkan sejak sekian lama. Hal ini kerana nilai mencintai alam sekitar merupakan gagasan yang telah sebatikan dengan seseorang individu dan tidak boleh dipisahkan (Zahari Mahad 2010).

## 2.0 Permasalahan Kajian

*Fiqh al-Bi'ah* pada asalnya merupakan sebahagian daripada ilmu Fiqh. Seiring perkembangan semasa, ia dipisahkan melihat kepada kepincangan yang berlaku di kalangan masyarakat Islam mengabaikan penjagaan alam sekitar begitu juga agar pemfokusan dapat diterapkan (Muhtadi et al. 2019). Hal ini demikian kerana tanggungjawab menjaga alam sekitar tanggungjawab bersama (Iqbal Saujan & Ahamed Sarjoon Razick 2021). Kemerosotan ini dibuktikan dari statistik Environment Pollution Index (EPI) 2022 mencatatkan Malaysia berada di kedudukan tercorot.

JADUAL 1: Statistik *Environment Pollution Index* (EPI) 10 kedudukan negara terbaik.

Negara	Kedudukan	Skor EPI
Denmark	1	77.9
United Kingdom	2	77.7
Finland	3	76.5
Malta	4	75.2
Sweden	5	72.7
Luxembourg	6	72.3
Slovenia	7	67.3
Austria	8	66.5
Switzerland	9	65.9
Iceland	10	62.8

JADUAL 2: Statistik *Environment Pollution Index* (EPI) kedudukan negara Malaysia


Negara	Kedudukan	Skor EPI
Uganda	125	35.8
Kyrgyzstan	126	35.7
Burkina Faso	127	35.5
Mesir	127	35.5
Timor-Leste	129	35.1
Malaysia	130	35

Solomon Islands	130	35
Sri Lanka	132	34.7
Iran	133	34.5
Tanzania	134	34.2

(Laman Web EPI 2022)

Azizan Baharuddin (2021) mengatakan kerosakan ini berlaku kerana pemisahan antara sains dan agama telah menyebabkan ramai orang Islam tidak memahami dengan baik nilai-nilai, makna, dan tujuan dalam kehidupan. Begitu juga hal ini disokong Mashitoh Yaacod et al. (2017) mengatakan penyelesaian isu alam sekitar perlu dilihat dari perspektif etika. Oleh itu perbincangan isu alam sekitar dari stereotaip agama sangat kritikal ketika ini. Menurut Mahmud Yusuf et al. (2023) untuk membahas *Fiqh al-Bi'ah*, tinjauan dari perspektif Maqasid al-Shari'ah merupakan satu keperluan. Hal ini kerana *Fiqh al-Bi'ah* berhubung rapat dengan asas *Maqasid al-Shari'ah* itu sendiri iaitu menginginkan kebaikan dan menghilangkan kemudaratan. Begitu juga perlu ditekankan asas *Fiqh al-Bi'ah* berkait dengan praktikal Nabi SAW sebagai contoh teladan. Justeru terdapat keperluan untuk membahaskannya dari perspektif *Maqasid al-Sunnah* kerana ia bernaung di bawah kerangka *Maqasid al-Shari'ah* dalam masa yang sama memfokuskan kepada perbincangan hadith (Abur Hamdi Usman 2023).

RAJAH 1: Kerangka Konseptual *Maqasid al-Sunnah*



(Analisis Pengkaji)

Selain itu, hadith mempunyai peranan yang besar dalam menyelesaikan masalah masyarakat (Muhiden Abd Rahman 1996; Rusli 2025). Begitu juga hadith merupakan komponen kritikal bagi penetapan hukum isu-isu moden. Hal ini juga dipersetujui oleh Rosni Wazir (2020) begitu juga beliau menambah perkara ini penting untuk menunjukkan keluasan dan kesyumuluan hadith dalam setiap sendi masyarakat.

Kajian-kajian dalam tema *Fiqh al-Bi'ah* sejak lima tahun lepas dilihat cenderung memfokuskan kepada implementasi *Fiqh al-Bi'ah* kepada lapangan-lapangan berkaitan berbanding hanya membincangkan teorinya semata-mata. Rumusan literatur lepas dapat dilihat pada jadual di bawah:

JADUAL 3: Sorotan literatur kajian *Fiqh al-Bi'ah*

No.	Penulis	Tahun	Tajuk	Fokus Kajian
1.	Moch. Ikhwan et al.	2021	<i>Fiqh Al-Bi'ah: Strategi Membangun</i>	Membincangkan mengenai peranan <i>Fiqh</i>

			Environmentalisme Di Pesantren Kota Surabaya	<i>al-Bi'ah</i> dalam menjadikan institusi tahfiz di Kota Surayaba mesra alam sekitar.
2.	Muhammad Harfin Zuhdi	2023	<i>Islam And Global Ecology: Formulating The Fiqh Al-Bi'ah Based On Naturalist Intelligence (Case Study Of Bungin Island, Sumbawa)</i>	Membincangkan mengenai aplikasi teori <i>Fiqh al-Bi'ah</i> untuk menyelesaikan isu-isu alam sekitar di Pulau Bungin, Sumbawa
3.	Mohammad Farid Fad	2021	<i>Revitalization of Fiqh Al-Bi'ah in the Implementation of Green Banking for Islamic Bank</i>	Membincangkan mengenai aplikasi <i>Fiqh al-Bi'ah</i> untuk mewujudkan bank mesra alam sekitar
4.	Muhammad Hilmi Mat Johar	2022	Konsep <i>Hifz Al-Bi'ah</i> Dalam Pengurusan Risiko Bencana Alam: Satu Sorotan Awal	Membahaskan mengenai konsep <i>hifz al-bi'ah</i> dalam menguruskan risiko bencana alam di Malaysia.
5.	Kasan As'ari	2023	<i>Fiqh Bi'ah In Islamic And Character Education At Senior High School Levels</i>	Membincangkan mengenai implementasi pelajaran <i>Fiqh al-Bi'ah</i> pada sistem pendidikan sekolah menengah.
6.	Santos Asnawan	2023	<i>Reviewing The Concept Of Fiqh Al-Bi'ah In Law Enforcement Against Ecocide Performers In Indonesia.</i>	Membahaskan mengenai keselarian konsep <i>Fiqh al-Bi'ah</i> dengan undang-undang Indonesia bagi menangani isu pemusnahan landskap semula jadi di Indonesia.
7.	Mahmud Yusuf	2022	<i>Green Economy Financing According to Fiqh Al-Biah as Part of Maqashid Sharia</i>	Membincangkan mengenai konsep <i>Fiqh al-Bi'ah</i> sebagai asas bagi ekonomi kewangan yang mesra alam sekitar.

Sorotan mendapati tidak terdapat kajian lepas yang mengulas hadith-hadith alam sekitar menurut perspektif *Maqasid al-Sunnah* untuk diaplikasikan pada konteks masa kini. Justeru kajian ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut dan membantu memberikan solusi masalah alam sekitar dalam lensa Islam.

### 3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Menurut Chua Yan Piaw (2014), reka bentuk penyelidikan harus sesuai untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh permasalahan kajian yang telah dikenal pasti. Justeru kualitatif merupakan pendekatan

paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam seperti mengkaji mengenai konsep *Fiqh al-Bi'ah* dan menganalisis hadith-hadithnya (Awang Idris et al. 2018).

Bagi pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan hadith-hadith daripada *al-Kutub al-Tis'ah*. Ia merupakan sembilan buah kitab hadith termasyhur iaitu *Muwatta' Malik, Musnad Ahmad, Musnad al-Darimi, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan Al-Tirmizi, Sunan Al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah*.

Begitu juga sumber-sumber lain digunakan bagi mengumpulkan data mengenai *Fiqh al-Bi'ah* daripada perpustakaan, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan digital library seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shamilah*. Hadith-hadith dikumpulkan secara tematik (*mawdu'i*). Menurut al-Zayyan (2002), hadith *mawdu'i* bermaksud ilmu yang mengumpul dan menghuraikan riwayat-riwayat hadith yang berkaitan sesuatu topik perbincangan tertentu.

Bagi analisis data, analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti *Maqasid al-Sunnah* daripada hadith-hadith tersebut. Setelah dianalisis, hadith-hadith tersebut disusun mengikut prinsip-prinsip *Maqasid al-Sunnah* yang relevan dan diaplikasikan dalam konteks masa kini. Terdapat tujuh prinsip utama yang dikenalpasti, yang seterusnya diterapkan dalam aplikasi praktikal untuk menyelesaikan masalah alam sekitar dalam konteks semasa. Bagi pendekatan analisis hadith termasuk proses pemilihan hadith, saringan, penetapan status dan seterusnya huraian hadith, perinciannya dapat dilihat daripada jadual di bawah:

JADUAL 4: Metode Analisis Hadith.

No.	Metode	Penjelasan
1.	Pemilihan hadith	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sumber pemilihan hadith hanya daripada <i>al-Kutub al-Tis'ah</i> sahaja.</li> <li>2. Pemilihan hanya melibatkan hadith-hadith yang diterima (<i>maqbul</i>) sahaja. Rujukan dilakukan kepada penilaian tokoh-tokoh hadith moden dan silam.</li> <li>3. Carian hadith dilakukan berdasarkan kata kunci berkaitan alam sekitar seperti <i>al-ma'</i>, <i>al-ard</i>. Jenis tumbuhan seperti <i>ratbah</i> dan sebagainya.</li> <li>4. Carian hadith merujuk kepada judul-judul dalam <i>al-Kutub al-Tis'ah</i> seperti bab <i>al-ma'</i>, <i>al-hayawan</i> dan sebagainya.</li> <li>5. Hadith-hadith terpilih disenaraikan dan disusun berdasarkan tema-tema alam sekitar</li> </ol>
2.	<i>Takhrij</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memanfaatkan perisian hadith, laman sesawang dan aplikasi atas talian bagi mengesan taburan hadith dalam <i>al-Kutub al-Tis'ah</i></li> <li>2. Memberikan maklumat ringkas tentang sumber hadith dengan hanya meletakkan bilangannya dalam <i>al-Kutub al-Tis'ah</i>.</li> <li>3. Nama penulis disusun dengan mengikut susunan termasyhur iaitu <i>Muwatta' Malik, Musnad Ahmad, Musnad al-Darimi, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan Al-Tirmidhi, Sunan Al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah</i>.</li> </ol>

		4. Menitikberatkan aspek pengulangan hadith.
3.	Penetapan status	1. Status hadith tidak dimasukkan berikutan telah disaring terlebih dahulu dalam proses pemilihan.
4.	Huraian hadith	1. Tumpuan utama diberikan kepada kitab <i>syuruh al-hadith</i> . 2. Memanfaatkan sumber-sumber lain seperti buku alam sekitar, kitab <i>fiqh</i> dan sebagainya.

Dengan metodologi ini, kajian ini berupaya mengisi kelompongan dalam penyelidikan sebelumnya dan memberikan solusi yang konkrit terhadap isu-isu alam sekitar dari perspektif Islam.

## 5.0 Dapatan Kajian

### 5.1 Taburan Hadith

Kajian mendapati sebanyak 40 hadith dijumpai daripada *al-Kutub al-Tis'ah*. Berikut adalah taburan hadith yang dipaparkan melalui atraf (pangkal) teks (matan) sahaja agar rujukan lebih mudah dibuat. Begitu juga hadith disusun mengikut penomboran kod agar memudahkan penjelasan di bahagian perbincangan:

JADUAL 5: Rumusan taburan hadith Fiqh al-Bi'ah.


No	Atraf Hadith	Sumber Hadith								Jum.	
		MM	A	D	B	M	AB	T	N		IM
<b>Tema Air</b>											
<b>Kewajipan melestarikan sumber air</b>											
1	مَا هَذَا السَّرْفِ يَا سَعْدُ؟ قَالَ: أَيْ...؟ الْوَضُوءِ سَرَفٌ		1							1	2
2	كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ بِتَحْوِ الْمُدِّ		3					1		4	8
3	كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ بِالْمُدِّ					2		1			3
4	لَا يُمْنَعُ فَضْلُ الْمَاءِ لِيُمْنَعَ بِهِ الْكَلَاءُ		1		1	1	1	1	1		6
5	فَأَيُّ الصَّدَقَةِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: سَقْيُ الْمَاءِ		2				1		3	1	7
6	نَهَى أَنْ يُبَالَ فِي الْمَاءِ الرَّأْيِدِ		4			1				1	6
<b>Tema Bumi</b>											
<b>Kewajipan menjaga bumi sebagai amanah Allah dengan adil</b>											
7	جُعِلَتِ الْأَرْضُ كُلُّهَا لَنَا مَسْجِدًا، وَجُعِلَتْ تُرْبُهَا		2			1	1		1		5
8	إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَحْلِفُكُمْ فِيهَا					1		1			2
<b>Tema Tumbuh-Tumbuh</b>											

Tanggungjawab untuk melestarikan tanaman									
9	أَخَذَ جَرِيدَةً رَطْبَةً فَشَقَّهَا بَصْفَيْنِ ثُمَّ غَرَزَ...		1		1			1	3
10	إِنْ قَامَتْ عَلَى أَحَدِكُمْ الْقِيَامَةُ، وَفِي يَدِهِ..		1						1
11	مَنْ قَطَعَ سِدْرَةَ صَوَّبَ اللَّهُ رَأْسَهُ فِي النَّارِ.					1		1	2
12	مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرَسُ غَرْسًا، أَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا..		6	1	1	2		1	11
13	مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ..		2			1		1	4
Tema Haiwan									
Berlaku Ihsan kepada Para Binatang.									
14	بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ، فَاشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ..	1	2		2	1	1		7
15	عَذِيبَتِ امْرَأَةٍ فِي هِرَّةٍ حَبَسَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ جُوعًا				2	1			3
16	مَنْ قَتَلَ غُصْفُورًا بِغَيْرِ حَقِّهِ سَأَلَهُ اللَّهُ عَنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ		3	1				2	6
17	مَنْ فَجَعَ هَذِهِ بَوْلْدَهَا؟ زُذُوا وَلَدَهَا إِلَيْهَا						1		1
18	قَدْ لَطَمْتُهَا لِإِبِلِي، فَهَلْ لِي مِنْ أَجْرِ إِنْ...؟ سَقَيْتُهَا							1	1
19	فَرَصَتْ نَمْلَةٌ نَبِيًّا مِنَ الْأَنْبِيَاءِ، فَأَمَرَ.. بِقَرْيَةِ النَّمْلِ فَأَحْرَقَتْ		1		1	1	1	1	6
20	اتَّقُوا اللَّهَ فِي هَذِهِ الْبَهَائِمِ الْمُعْجَمَةِ،.. فَأَرْكَبُهَا صَالِحَةً						1		1
21	لَعَنَ اللَّهُ مَنْ اتَّخَذَ شَيْئًا فِيهِ الرُّوحُ غَرَضًا		2			1		1	4
22	أَمَا تَتَّقِي اللَّهَ فِي هَذِهِ النَّهْيَمَةِ الَّتِي.. مُلْكُهَا اللَّهُ		1				1		2
23	وَالشَّاةُ إِنْ رَجَمْتَهَا رَجَمَكَ اللَّهُ وَالشَّاةُ إِنْ رَجَمْتَهَا رَجَمَكَ اللَّهُ		2						2
24	وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَ، وَلْيُجَدِّ.. أَحَدَكُمْ شَفْرَتَهُ		4	1		1	1	1	14
Tema Gaya Hidup Manusia									
Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama									
25	اَكْلُوا مِنَ الْعَمَلِ مَا تُطِيقُونَ، فَإِنَّ خَيْرَ.. الْعَمَلِ أَدْوَمُهُ		1				1	1	4
26	مَنْ طَلَبَ حَقًّا فَلْيَطْلُبْهُ فِي عَفَافٍ، وَافٍ أَوْ غَيْرِ وَافٍ							1	1
27	الْإِيمَانُ بَضْعٌ وَسَبْعُونَ - أَوْ بَضْعٌ... وَسِتُّونَ - شُعْبَةٌ		2			1	1	1	5

28	المُسْلِمُونَ شُرَكَاءُ فِي ثَلَاثٍ: الْمَاءِ وَالْكَلْبِ وَالنَّارِ		1							1	2
29	إِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ شَبَعًا فِي الدُّنْيَا، أَطْوَلُهُمْ جُوعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ					1				2	3
30	..مَا مَلَأَ أَدَمِي وَعَاءَ شَرًّا مِنْ بَطْنٍ		1					1	3	1	6
31	طَعَامُ الرَّجُلِ يَكْفِي رَجُلَيْنِ، وَطَعَامُ رَجُلَيْنِ يَكْفِي أَرْبَعَةَ				1						1
32	الْبِدَادَةُ مِنَ الْإِيمَانِ، الْبِدَادَةُ مِنَ الْإِيمَانِ		1			1				1	3
33	ثَلَاثٌ لَا يُمْتَعَنُ: الْمَاءُ وَالْكَلْبُ وَالنَّارُ									1	1
34	اسْقُ يَا رَبِّبِرِّ، ثُمَّ أَرْسِلِ الْمَاءَ إِلَى جَارِكَ			2	1	1	1	1	1	1	7
35	اتَّقُوا اللَّاعِنِينَ، قَالُوا: وَمَا اللَّاعِنَانِ؟ .. يَا رَسُولَ اللَّهِ		1			1	1				3
36	لَيْسَ لِأَيِّنِ أَدَمَ حَقٌّ فِي سِوَى هَذِهِ الْخِصَالِ..							1			1
37	بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي وَجَدَ غُصْنًا شَوْكٍ .. عَلَى الطَّرِيقِ	1	1		2	1					5
<b>Mudarat perlu dihilangkan</b>											
38	لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ		1							1	2
<b>Keperluan menyempurnakan hak setiap jiwa</b>											
39	..انصُرْ أَخَاكَ ظَلِمًا أَوْ مَظْلُومًا، قَالُوا				1						1
40	فَاعْطِ كُلَّ ذِي حَقِّ حَقَّهُ				2			1			3
<b>Jumlah Mengikut Kitab</b>		2	46	3	15	19	16	11	22	20	154
<b>Jumlah Hadith Tekstual</b>											40
<b>Jumlah Beserta Pengulangan</b>											154
<b>Jumlah Tanpa Pengulangan</b>											121


(Sahih al-Bukhari; Sahih Muslim; Sunan Abu Dawud; Sunan al-Tirmizi; Sunan al-Nasa'i; Sunan Ibn Majah; Muwatta' Malik; Musnad Ahmad; Musnad al-Darimi)

RAJAH 2: Taburan hadith menurut *al-Kutub al-Tis'ah*



Setiap hadith yang telah dikumpulkan, dikategorikan mengikut tema-tema perbincangan. Analisis mendapati terdapat lima tema yang boleh dikeluarkan daripada kesemua 40 hadith tekstual iaitu tema air, bumi, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan gaya hidup manusia. Pembahagian mengikut tema-tema tertentu perlu dibuat agar pemahaman selari dengan kehendak hadith. Jumlah pembahagian hadith daripada setiap tema adalah seperti berikut:

RAJAH 3: Taburan hadith bertema menurut *al-Kutub al-Tis'ah*



Setelah pembahagian menurut tema dibuat, hadith juga dikategorikan menurut konsep *Maqasid al-Sunnah*. Metodologi yang digunakan sesuai dengan yang apa yang telah digariskan oleh Ahmad Raysuni (2013) dalam buku beliau *Maqasid al-Maqasid al-Ghayat al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqasid al-Shari'ah* iaitu:

1. Mengetahui kedudukan dan sifat Nabi SAW ketika mengeluarkan hadith.
2. Memahami sebab wurud hadith dan konteks perbincangannya.

Oleh itu, kajian mendapati daripada kesemua 40 hadith, terdapat tujuh prinsip yang selari dengan *Maqasid al-Sunnah* iaitu:

JADUAL 6: Rumusan prinsip *Fiqh al-Bi'ah*

No.	Prinsip <i>Fiqh al-Bi'ah</i>
1	Kewajiban Melestarikan Sumber Air
2	Kewajiban menjaga bumi sebagai amanah Allah dengan adil
3	Tanggungjawab untuk melestarikan tanaman
4	Berlaku Ihsan kepada Para Binatang
5	Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama
6	Mudarat Perlu Dihilangkan
7	Hak Setiap Jiwa Perlu Disempurnakan

## 5.2 Konsep dan Prinsip *Fiqh al-Bi'ah*

Konsep utama *Fiqh al-Bi'ah* berasal dari hadith kelapan iaitu manusia dipertanggungjawabkan selaku pentadbir di muka bumi ini. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ، وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا، فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya dunia ini manis lagi menghijau dan sesungguhnya Allah SWT menyerahkan urusan dunia ini kepada kamu semua. Lalu Dia akan melihat bagaimana kamu melakukannya. [Sahih Muslim, no. 99].

Fuad 'Abd al-Baqi (1955) mengulas berkenaan hadith ini menyatakan Allah SWT menjadikan umat manusia sebagai pentadbir atas muka bumi ini. Dia juga memerhatikan umat-Nya adakah mereka mentadbirnya mengikut arahan-Nya atau dengan kemaksiatan terhadap-Nya. Bertitik tolak daripada keperluan menjaga alam sekitar daripada segala sifat rakus dan tamak manusia atau sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab daripada mencemari bumi Malaysia dengan melakukan kerosakan atau pelbagai lagi bentuk kemudarat, maka perlunya wujud kebersamaan dan kerjasama semua pihak dalam usaha menanganinya dan melaksanakannya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2022).

Seterusnya, tujuh prinsip *Fiqh al-Bi'ah* dibina dari kumpulan tekstual hadith. Perbincangannya seperti berikut:

1. Kewajiban melestarikan sumber air

Prinsip ini dibina melalui kumpulan hadith satu sehingga enam. Menurut Mohd Farhan Ariffin (2021), hadith-hadith ini menunjukkan kepada pengurusan air yang dianjurkan oleh Islam. Penggunaan air yang berlebihan akan membawa kepada liabiliti. Ia senada dengan apa yang disebut oleh Zaini Ujang dan Zulkifli Mohd Yusoff (2023) iaitu krisis kekurangan air akan menjadi punca sengketa di masa akan datang.

## 2. Kewajiban menjaga bumi sebagai amanah Allah dengan adil

Menurut Abd Muhsin Abd Rahman (2022), maksud Allah mengamanahkan urusan pentadbiran iaitu menjadi penjaga yang baik untuk alam sekitar ini. Begitu juga ini disokong oleh Muinul Islam (2004) dengan mengatakan Nabi SAW telah menekankan bumi dan tanah sebagai ejen pembersihan bahkan perlu dijaga kerana ia merupakan sumber kebergantuan semua makhluk.

## 3. Tanggungjawab untuk melestarikan tanaman

Abu Dawud (2012) mengatakan sesiapa yang merosakkan tanaman secara sia-sia dan zalim maka Allah merendahkan kepalanya dalam neraka. Al-Qaradhawi berkata ia merupakan usaha menjaga keseimbangan ciptaan Allah SWT (1998). Begitu juga Rasulullah SAW menggambarkan betapa pentingnya melestarikan tanaman sehingga walaupun akhir zaman urusan ini tidak boleh diabaikan (Abur Hamdi Usman 2023).

## 4. Berlaku Ihsan kepada Para Binatang

Muhammad Salih al-Uthaimin (2011) menyebut Allah memerintahkan kita berlaku ihsan dalam setiap urusan sehinggakan dalam urusan penyembelihan juga begitu. Justeru setiap makhluk di muka bumi mempunyai peranan tersendiri terhadap keseimbangan ekosistem, walhal sekecil mana batang tubuhnya (Zaini Ujang & Zulkifli Mohd Yusoff 2020). Begitu juga Rasulullah SAW mengeksperasikan bahawa memelihara alam sekitar dengan kefahaman Islam merupakan dua entiti yang telah lama sebatu (Abur Hamdi Usman 2023).

## 5. Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Penjagaan alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama walaupun usaha dari individu yang tidak mempunyai apa-apa kuasa (Rozita Ibrahim 2016). Dalam pada itu, manusia perlu mengekang kesemua perkara yang diistilahkan sebagai perbuatan merosakkan. Memotong pokok secara berleluasa dan membinasakan sungai turut ditekankan sebagai perbuatan merosakkan muka bumi atau alam sekitar yang perlu dihindari (Yusri Md Isa 2019; Abu Bakar & Hussin 2024).

## 6. Kemudaratan Perlu Dihilangkan

Abu Dawud mengatakan Fiqh berlegar di antara lima hadith antaranya hadith kemudaratan perlu dihilangkan (Ibn Rejab, 1999). Begitu juga menjadi kewajiban untuk mendahulukan maslahat dalam setiap urusan (Sulaiman Abd Qawi, 1998). Islam adalah agama yang memelihara kemaslahatan kehidupan manusia dan alam. Tujuan syariah itu sendiri juga menegakkan maslahat dan mengelakkan mafsadah. Justeru, setiap muslim wajib mengelakkan diri daripada melakukan apa-apa sahaja aktiviti dan

perbuatan yang boleh memberi kesan kepada pencemaran alam sekitar yang merosakkan kehidupan dan mengganggu secara langsung ekosistem. Sebarang usaha bagi menjaga alam sekitar adalah perbuatan yang digalakkan oleh agama dan merupakan amalan soleh (Jawatankuasa Fatwa Perlis 2016).

#### 7. Hak Setiap Jiwa Perlu Disempurnakan

Manusia mempunyai hak asasinya. Begitu juga makhluk yang lain. Menurut Muhammad Salih al-Uthaimin (2011) membantu individu yang dizalimi atau yang berlaku zalim bermaksud menghilangkan mudarat daripada sama ada berpunca darinya atau mengenainya. Tugas memelihara alam sekitar merupakan tugas bersama. Justeru perlu ada inisiatif dari setiap pihak (Abur Hamdi Usman 2023). Hal ini kerana walaupun kerajaan Malaysia berusaha membendunginya dengan memperkenalkan sistem denda dan cukai namun isu pencemaran alam sekitar masih meningkat dan mengorbankan ramai orang (Menteri Kesihatan Malaysia 2016).

#### 4.3 Aplikasi Prinsip *Fiqh al-Bi'ah* Dalam Konteks Masa Kini

Prinsip-prinsip yang terbina memerlukan aplikasi kesemua pihak untuk menjayakannya. Terdapat beberapa cadangan aplikasi dalam konteks masa kini. Cadangan-cadangan boleh dirujuk dari jadual di bawah:

JADUAL 7: Rumusan prinsip *Fiqh al-Bi'ah* dan aplikasinya

No.	Prinsip <i>Fiqh al-Bi'ah</i>	Aplikasi dalam Konteks Masa Kini
1	Kewajiban Melestarikan Sumber Air	Mendorong penggunaan air secara bijak dan teknologi hemat air.
2	Kewajiban menjaga bumi sebagai amanah Allah dengan adil	Mempromosikan pertanian dan perladangan berkelanjutan, dan mengurangi pembalakan haram.
3	Tanggungjawab untuk melestarikan tanaman	Memajukan agro perhutanan, pertanian organik, dan menghentikan spesies asing invasif.
4	Berlaku Ihsan kepada Para Binatang	Memastikan kesejahteraan haiwan dan menghentikan kekejaman terhadap haiwan.
5	Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama	Membangun kesedaran alam sekitar melalui pendidikan seperti pembinaan modul <i>Fiqh al-Bi'ah</i> dan melakukan kerjasama antara kerajaan, NGO, dan sektor swasta.
6	Mudarat Perlu Dihilangkan	Menggunakan teknologi hijau, mengurangkan kesan gas rumah hijau, dan menguruskan sisa industri secara baik.
7	Hak Setiap Jiwa Perlu Disempurnakan	Memastikan akses yang adil dan setara terhadap sumber daya alam, termasuk air dan tanah, serta memperjuangkan hak-hak komuniti setempat.

#### 6.0 Kesimpulan

Berdasarkan kajian dan analisis yang telah dibuat terhadap hadith-hadith *Fiqh al-Bi'ah* mendapati terdapat 40 teks hadith yang membicarakan berkenaan *Fiqh al-Bi'ah* .

Keseluruhan hadith ini kemudiannya dibahagikan kepada tema-tema *Fiqh al-Bi'ah* iaitu tema air, bumi, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan gaya hidup manusia. Setelah analisis daripada kitab-kitab sharh al-hadīth, buku-buku dan kajian empirikal berkaitan alam sekitar mendapat terdapat tujuh prinsip *Fiqh al-Bi'ah* menurut *Maqāsid al-Sunnah* yang dapat dikeluarkan daripada keseluruhan teks hadith. Tujuh prinsip tersebut adalah pertama; kewajiban melestarikan sumber air, kedua; kewajiban menjaga bumi sebagai amanah Allah dengan adil. Ketiga; tanggungjawab untuk melestarikan tanaman. Keempat; berlaku ihsan kepada para binatang, kelima; alam sekitar tanggungjawab bersama; keenam; kemudaratan perlu dihilangkan. Ketujuh; hak setiap jiwa perlu disempurnakan. Setiap prinsip yang terbina perlu diaplikasikan dalam memerlukan usaha dari kesemua pihak baik kerajaan, sektor swasta, akademik dan sebagainya. Justeru itu, sebuah kajian lanjutan mengenai implementasi *Fiqh al-Bi'ah* di kalangan masyarakat dijalankan dengan pembinaan model-model *Fiqh al-Bi'ah* yang sesuai digunakan antaranya oleh sektor pendidikan, kewangan Islam dan sebagainya perlu dijalankan. Hal ini bertujuan agar prinsip-prinsip *Fiqh al-Bi'ah* dapat diterapkan dalam praktik masyarakat sama ada secara individu atau organisasi.

## Rujukan

- Abdul Muhsin, A. R. 2022. *Al-Nahyu 'An Al-Ifsad Fi Al-Ard Wa Himayah Al-Bi'ah*. Kutaba. <https://khutabaa.com/ar/article/%D8%A7%D9%84%D9%86%D9%87%D9%8A-%D8%B9%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%A5%D9%81%D8%B3%D8%A7%D8%AF-%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%B1%D8%B6-%D9%88%D8%AD%D9%85%D8%A7%D9%8A%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%A8%D9%8A%D8%A6>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Abu Bakar, S., & Hussin, H. (2024). Prospek Penyelidikan Tafsir Mawdu'i di Malaysia: Prospects for Tafsir Mawdu'i Research in Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(2), 72–86. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i2.356>
- Ahmad, A.-R. 2013. *Maqāṣid Al-Maqāṣid Al-Ghāyāt Al-'Ilmiyyah Wa Al-'Amaliyyah Li Maqāṣid Al-Sharī'ah*. Beirut: Al-Shabkah Al-'Arabiyyah Li Al-Abhas Wa Al-Nashr.
- Al-Husain, M. 2012. *Al Mafātih Fi Syarh Al Maṣābih*. Kuwait: Dar Nawadir.
- Al-Qaradawi, Y. 1998. *Al-Sunnah Masḍaran Li Al-Ma'rifah Wa Al-Hadarah*. Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Al-Zabidi, M. M. A.-H. 1987. *Tāj Al-'Arus* ed. 'Abd Majid Qatamisj. Kuwait: Al-Turath Al-'Arabi'ah.
- Al-Zayyan, Ramadan Ishaq. 2002. *Al-Ḥadīth al-Mawḍi'iy Dirāsah Nazariyyah*. Majallah al-Jami'ah al-Islamiyyah. 10(3): 207-248.
- Azizan, B. 2021. Sustainable Development Goals And The Shariah. *New Straits Time*. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2021/07/09/sustainable-development-goals-and-the-shariah>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Chua Yan Piaw, 2014. *Kaedah Penyelidikan*. 3rd Ed. Selangor: Mc Graw Hill Education

- Fathullah, A., Jasni, S., & Ammar, I. 2021. Analysis Of Use Of Daif Hadith In The Fatwa On Islamic Inheritance Law (Faraid) In Malaysia. *Islamiyyat*. 43(2): 18.
- Hātim, A.-'. 2009. *Al-Takhrīj Wa Dirāsah Asānid*. Multaqā Ahl Al-Hadīth.
- Ibn Manzur, J. A.-D. M. B. M. 1879. *Lisān Al-'Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Ibn Rejab, A.-H. 1999. *Jāmi' Al-Ulum Wal Al-Hikam Fi Syarh Khamsin Aḥādīth Min Jawāmi' Al-Kalim* Tahqiq Syuaib Al-Arnaut. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Iqbal S., & Razick, A. S. 2021. Awareness Of Enviromental Protection Amongst Muslims In Ampara District. *Islamiyyat*, 43(2): 27.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). 2016. Fatwa Pencemaran Alam Sekitar. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15481>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Latifah, N. A.-R. 2022. *Al-Ḥadīth Al-Maudhu'i Al-Manhaj Wa Al-Ta'sīl Wa Al-Tamsil*. Mekah: Dar Tayyibah Al-Khudara'.
- Mahmud, Y., Et al. 2023. Green Economy Financing According To Fiqh Al-Biah As Part Of Maqashid Sharia. *Pena Justisia*, 21(1): 203.
- Mashitoh, Y., Et al. 2017. Transformation Of Muslim Behavior Towards Sustainable Environment: Perspectives Of Non-Governmental Organisations In Klang Valley. *Akademika*, 87(2): 20.
- Mohd Asmadi, Y., Et al. 2015. *Fiqh al-Bi'ah* Dalam Pengurusan Air: Kajian Dari Perspektif Al-Sunnah Dalam Sunnah Nabawiyah: Survival Dan Cabaran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 351.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. 2018. Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Awang, I., Haslina, M., & Zirwatul Aida, R. I. 2018. Metodologi Penyelidikan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Farhan, M. A. (2021). Kenapa Islam Sangat Menghargai Air. *Bebas News*. <https://bebasnews.my/2021/07/24/kenapa-islam-amat-menghargai-air/>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- Mohd Khairulnazrin, M. N. 2023. Garis Panduan Kajian Hadith Tematik Bagi Penulisan Tesis dan Disertasi. Malaysia: Penerbit KIAS.
- Mohd Muhiden, A. R. 1996. Al-Hadith Kedudukan Dan Peranannya Dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*: 35.
- Mohd Rusli, A. H. (2025). Metodologi Penulisan dan Verifikasi Hadis-Hadis Khutbah Jumaat: Tumpuan Kepada Teks Khutbah Terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) Tahun 2023: Methodology of Writing and Verification of Friday Sermon Hadiths: Focus on The Sermon Texts Published by The

- Terengganu State Religious Affairs Department (JHEAT) In 2023. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(1), 14–55. <https://doi.org/10.53840/jpi.v18i1.318>.
- Muhajarah, K., & Soebahar, Moh. E. (2024). Fiqh of tolerance and religious moderation: a study towards Indonesia, Malaysia, and Thailand. *Cogent Arts & Humanities*, 11(1). <https://doi.org/10.1080/23311983.2024.2303817>.
- Muhammad Muinul, I. 2004. Towards A Green Earth: An Islamic Perspective. *Jurnal Asian Affairs*. 26(4).
- Muhammad Remy, O., Et al. 2023. Analysis Of The Significance Treatment Of Henna In The Formulation Based On Fiqh Al-Hadith. *Islamiyyat*, 45(1): 24.
- Muhammad Salih, A.-U. 2011. *Syarah Riyadh Al-Şālihīn*. Riyadh: Dar Watan Li Nasyr.
- Muslim, B. H. 1955. *Sahīh Muslim* Tahqiq Muhammad Fuad Abd Baqi Mat'ba'ah Isa: Kaherah, 4:2098 (Kitab Aksar Ahl Al-Jannah Al-Fuqara' No 99).
- Nizamuddin, Z., Et al. (2008). Konsep Dan Dimensi Alam Sekitar: Kupasan Dasar-Dasar Islam Dalam Pemeliharaannya Berdasarkan Al-Quran Dan Al-Sunnah. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Agro Sains Dan Teknologi*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1-2 April 2008, 105.
- Osman Haji Khalid. 2006. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2022. *Penjagaan Alam Sekitar Dalam Agama Islam*. <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/5427-bayan-linnas-siri-ke-259-penjagaan-alam-sekitar-dalam-agama-islam>. Diakses pada 1 Oktober 2023.
- R. Wahyu Agung, U., Et al. 2019. Tinjauan Maqashid Syariah Dan *Fiqh al-Bi'ah* Dalam Green Economy. *Jurnal Ekonomi Islam*, 10(2): 245.
- Rosni, W. 2020. Tuntutan Kesehatan Mental Menurut Maqāsid Al-Sunnah. *Konferens Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa Al-Quran Dan Hadith (Thiqah 2020)*: 3.
- Rozita, I. 2002. Literasi Alamsekitar Menurut Paradigma Agama. *Jurnal Pengajian Umum*.
- Sulaiman Abd, Q. 1998. *Al-Ta'yin Fī Syarh Al-Arba'īn*. Beirut: Muassasah Al-Rayan.
- Usman, A. H., & Nasir, M. N. 2023. Analisis Wacana Hadis tentang Penjagaan Alam Sekitar: Analysis of Hadith Discourse on Environmental Care. *HADIS*, 13(26), 51-61. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i26.220>
- Yusry, M. I. 2019. Konsep Umum Rahmat Terhadap Alam Sekitar Menurut Perspektif Pentafsiran Al-Ra'yi. *Journal Of Maalim Al-Quran Wa Al-Sunnah*: 10.

- Zahari, M. M. 2010. Fiqh Al-Bi'ah: Prinsip Interaksi Manusia Dengan Alam Persekitaran. Jurnal Syariah, 18(1): 1-24.
- Zaini, U., & Zulkifli, M. Y. 2021. 40 Hadith Pelestarian Alam Sekitar Edisi Kedua (40 Hadith On Environmental Sustainability 2nd Ed.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.